



MAMMAN K.T. George (dua dari kiri) dan Kamaruzaman Ampon (kanan) meninjau bangunan baru Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

3 bangunan baru tingkatkan infrastruktur UMS

UM 20/F/2011 30

KOTA KINABALU 19 Julai - Pembangunan prasarana yang dicapai oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) sejak ditubuhkan 15 tahun lalu, membuktikan komitmen tinggi kerajaan dalam meningkatkan infrastruktur di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu.

Naib Cancelornya, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon berkata, sehingga kini kerajaan telah membelanjakan hampir RM3 bilion untuk pembangunan fizikal UMS.

"Pencapaian UMS ini adalah hasil daripada komitmen dan kerjasama kerajaan Pusat dan negeri menerusi agensi-agensinya iaitu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi

(EPU) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Pelaburan besar kerajaan dalam membangunkan kampus UMS telah memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan tinggi di negara ini, khususnya di Sabah," katanya sambil menambah bahawa sehingga kini UMS telah menghasilkan seramai 30,000 graduan.

Beliau berucap sempena majlis pernyerahan bangunan Dewan Kuliah Pusat, Pusat Pasca Siswazah dan Sekolah Perubatan di Auditorium Pasca Siswazah UMS di sini, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Abd. Rahim Md. Noor dan Pengarah Cawangan Pendidikan dan Pengajaran Tinggi Jabatan Kerja Raya, Ir.

Mamman K.T. George.

Kamaruzaman berkata, projek pembinaan ketiga-tiga kemudahan itu yang menelan belanja RM450 juta siap mengikut jadual ditetapkan.

Katanya, bangunan Pusat Pasca Siswazah yang baru itu menyediakan kemudahan ruang selesa dan peralatan terkini bagi melancarkan pengurusan, pembelajaran dan pengajaran kakitangan akademik dan penuntut.

Jelasnya, bangunan itu menyediakan kemudahan-kemudahan terkini kepada penuntut seperti bilik seminar, auditorium serbaguna, pusat sumber, makmal teknologi maklumat, bilik pensyarah dan ruang pejabat pentadbiran.